

Dwi-Peranan Ibu Tunggal: Cabaran dalam Pengurusan Keluarga Tunggal dan Peranan Sokongan Sosial

The Dual Roles of Single Mothers: Challenges in Managing Single-Parent Families and the Role of Social Support

Mohamad Azarul A'inol bin Wahab*, Zuraini binti Jamil @ Osman
Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter,
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
*e-mail: mohdazarulainol@gmail.com

Published: 30 September 2024

To cite this article (APA): Wahab, M. A. A., & Jamil @ Osman, Z. (2024). The Dual Roles of Single Mothers: Challenges in Managing Single-Parent Families and the Role of Social Support. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(2), 24–34. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.3.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.3.2024>

Abstrak

Ibu tunggal sering mendapati diri mereka bergelut dalam dwi-peranan dalam mengimbangi kerja, tanggungjawab keibubapaan dan pengurusan anak-anak. Ibu tunggal bertindak sebagai pencari nafkah utama untuk menyara anak-anak di samping membesarkan anak-anak mereka. Peranan berganda ini mewujudkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal ini seperti tekanan kewangan yang mendorong kepada tekanan emosi, sambil mereka berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang stabil dan menyokong anak-anak mereka. Dalam bergelut dengan dwi-peranan ini, sokongan sosial daripada pelbagai pihak memainkan peranan penting dalam membantu ibu tunggal menghadapi cabaran dwi-peranan ini. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui cabaran dwi-peranan yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam pengurusan keluarga tunggal dan peranan sokongan sosial dalam membantu ibu tunggal menggalas tanggungjawab dwi-peranan ini. Kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada artikel dan akhbar dalam talian digunakan dalam kajian ini bagi memperoleh maklumat berkaitan dengan dwi-peranan ibu tunggal dan sokongan sosial. Hasil kajian mendapati bahawa cabaran dwi-peranan yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah cabaran ekonomi terutama pengurusan kewangan, emosi dalam menguruskan tekanan dan sosial terutama stigma daripada masyarakat. Dalam aspek sokongan sosial, keluarga, rakan, jiran dan komuniti memainkan peranan penting dalam membantu kesejahteraan emosi dan mental serta memberikan sokongan instrumental. Secara keseluruhannya, implikasi kajian memberikan pendedahan kepada pelbagai pihak mengenai ibu tunggal yang menghadapi cabaran yang berbeza dalam menggalas tanggungjawab dwi-peranan dan mendedahkan peranan sosial yang diberikan kepada ibu tunggal ini.

Kata kunci: dwi-peranan, ibu tunggal, keluarga tunggal, cabaran, sokongan social

Abstract

Single mothers often find themselves struggling with dual roles as they balance work, parenting responsibilities and managing their children. They act as the primary breadwinners while also raising their children. These dual roles create various challenges for single mothers, such as financial pressures that lead to emotional stress, as they strive to create a stable and supportive environment for their children. In dealing with these dual roles, social support from various parties plays a crucial role in helping single mothers cope with these challenges. This study aims to explore the dual-role challenges faced by single mothers in managing single-parent families and the role of social support in helping them shoulder these responsibilities. A qualitative method, using document analysis from articles and online newspapers, was employed in this study to obtain information related to the dual roles of single mothers and social support. The study found that the dual-role challenges faced by single mothers include

economic challenges, particularly in financial management, emotional challenges in managing stress and social challenges, especially societal stigma. In terms of social support, family, friends, neighbors and the community play vital roles in helping with emotional and mental well-being and providing instrumental support. Overall, the study's implications highlight the various challenges faced by single mothers in carrying out dual roles and reveal the social support provided to them.

Keywords: *dual-role, single mother, single-parent, challenge, social support*

PENGENALAN

Transformasi pesat perindustrian dan globalisasi telah memberi impak yang besar kepada banyak aspek pekerjaan dan kebajikan pekerja menjadikan wanita bekerjaya mempunyai dua peranan iaitu wanita profesional dan pengurus rumah tangga (Zhang & Fu, 2020). Namun begitu, dalam mencapai keseimbangan antara tuntutan sebagai pekerja dan tanggungjawab keluarga adalah satu tugas yang sukar dan mencabar. Pendedahan berkenaan dengan dwi-peranan dalam kalangan wanita ini diperkenalkan oleh Myrdal dan Klein pada tahun 1956 dalam kajian mereka yang memfokuskan kepada perubahan corak penyertaan kaum wanita dalam pasaran buruh (Noor Rahamah, 2012). Kaum wanita terutama golongan ibu tunggal memikul tanggungjawab yang besar dalam dwi-peranan ini. Perubahan struktur keluarga dari keluarga asas (*nuclear family*) kepada keluarga ibu atau bapa tunggal mendorong kepada ibu tunggal terpaksa menggalas dwi-peranan iaitu sebagai pencari nafkah utama dan pengurus keluarga selepas kematian pasangan atau melalui proses perceraian (*single-parent family*).

Istilah dwi-peranan ibu tunggal ini merujuk kepada wanita yang memenuhi tanggungjawab pencari nafkah utama dan pada masa yang sama sebagai pengurus keluarga (Simanullang et al., 2022). Di Malaysia, terdapat sejumlah 940,735 orang ibu tunggal dicatatkan iaitu 693,949 orang berstatus balu dan 246,786 orang wanita yang bercerai/berpisah tetap (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Jumlah ibu tunggal ini juga dikatakan meningkat saban tahun disebabkan oleh faktor-faktor seperti krisis kewangan disebabkan oleh pandemik COVID-19 (Latifah, 2021). Kehilangan suami ini bukan sahaja menyebabkan seseorang wanita itu akan menggalas tanggungjawab yang lebih besar pada masa yang sama, tetapi akan berusaha untuk membuktikan bahawa mereka mampu untuk mendidik dan membesarkan anak-anak (Daniel, 2021; Pangaribuan et al., 2023), walaupun terpaksa berdepan dengan konflik kerja-keluarga. Malahan, ibu tunggal lebih mudah terdedah kepada pelbagai cabaran dari segi sosial dan ekonomi yang berisiko membawa kepada masalah kesihatan fizikal dan mental (Taylor & Conger, 2017).

Di Malaysia, golongan ibu tunggal tidak dipinggirkan oleh pihak kerajaan dalam membantu mengurangkan beban mereka. Antara dasar yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal 2015-2020 dalam membantu memperkasakan ekonomi, sosial serta aspek penyelidikan dan penyelarasan ibu tunggal. Banyak pihak yang terlibat dalam menjayakan pelan ini antaranya adalah wakil agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi dan sektor swasta. Pelan tindakan ini dianggap sangat penting dalam membendung sebarang diskriminasi terhadap wanita terutama golongan ibu tunggal dalam membantu meningkatkan sosioekonomi mereka.

Bagi golongan ibu tunggal yang mempunyai tanggungan anak, mereka akan berusaha untuk memenuhi keperluan seharian anak-anak (Susanti & Hayat, 2022). Perkara yang lagi menyedihkan apabila keluarga ibu tunggal dikatakan menghadapi pelbagai kesusahan (sesuatu yang menyebabkan tekanan) yang lebih besar berbanding pasangan yang berkahwin (Berryhill & Durtschi, 2017; Mohamad Nawawy & Fatmawati, 2020; Nurul Shafini et al., 2019). Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai halangan dan cabaran dalam memikul tanggungjawab sebagai ibu tunggal ini. Ibu tunggal gigih mengejar matlamat dalam menguruskan dwi-peranan ini dan cuba mengubah stigma negatif masyarakat terhadap status mereka (Nurul Shafini et al., 2019). Golongan ibu tunggal ini juga terpaksa bekerja lebih daripada satu pekerjaan seperti berniaga secara atas talian dan lebih malang lagi, sesetengah ibu tunggal terpaksa berhenti kerja untuk menjaga anak-anak mereka yang masih kecil (Mohamad Nawawy & Fatmawati, 2020; Siti Marziah et al., 2022).

Kehidupan dan peranan ibu tunggal amat berbeza jika dibandingkan dengan bapa tunggal terutama daripada kepimpinan sistem keluarga, aspek tekanan dan sokongan sosial yang perlu dilalui

dalam kehidupan harian (Mohamad Nawawy & Fatmawati, 2019). Sokongan sosial daripada pelbagai pihak dalam membantu ibu tunggal memainkan peranan penting dalam meringankan beban yang digalas oleh ibu tunggal ini. Secara ringkasnya, sokongan sosial ini termasuklah sokongan emosi (sokongan mendengar), sokongan maklumat (nasihat dan bimbingan), sokongan penghargaan (meningkatkan rasa kecekapan seseorang) dan sokongan ketara (bantuan konkrit seperti menyediakan pengangkutan atau bantuan kewangan) (Drageset, 2021). Dalam kajian yang dijalankan oleh Taylor dan Conger (2017) mendapati sokongan sosial yang diperoleh daripada ahli keluarga menggalakkan tingkah laku keibubapaan yang berkesan dan membentuk sahsiah anak yang lebih positif. Justeru, artikel ini akan membincangkan mengenai cabaran dwi-peranan ibu tunggal dan sokongan sosial yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu dalam membantu meringankan beban dwi-peranan ibu tunggal ini.

SOROTAN KAJIAN

Peranan ibu tunggal dan sokongan sosial menjadi intipati utama dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini akan membahagikan sorotan kajian kepada dua tema utama perbincangan iaitu konflik kerja-keluarga ibu tunggal dalam pengurusan keluarga dan sokongan sosial terhadap ibu tunggal.

Konflik kerja-keluarga ibu tunggal dalam pengurusan keluarga

Takrif keluarga berbeza-beza merentasi budaya dan masyarakat, tetapi secara amnya merujuk kepada sekumpulan individu yang mempunyai pertalian darah, perkahwinan atau anak angkat (Padun, 2021) dan memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan emosi, penjagaan dan asuhan antara satu sama lain. Keluarga terdiri daripada pelbagai bentuk, termasuk keluarga nuklear, keluarga luas, keluarga ibu bapa tunggal dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, tidak semua keluarga kekal memiliki struktur keluarga yang terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak disebabkan oleh beberapa faktor seperti perceraian ibu dan bapa atau kematian pasangan yang akan mengubah struktur asal sesebuah keluarga tersebut (Aasen Nilsen et al., 2018; Bastaitis & Mortelmans, 2017). Keluarga ibu bapa tunggal adalah kumpulan menerima stigma daripada masyarakat yang menonjolkan sikap negatif terhadap keluarga ibu bapa tunggal ini (Valiquette-Tessier et al., 2016). Dengan bergelar sebagai ibu tunggal, peranan yang dipikul sudah pasti lebih sukar dan mencabar disebabkan oleh masalah dan cabaran yang terpaksa ditempuh semasa bergelar ibu tunggal ini (Bauer-Maglin, 2019). Peranan yang digalas ini mendorong kepada berlakunya konflik kerja-keluarga dalam kalangan ibu tunggal.

Kebelakangan ini, banyak kajian dalam kalangan ahli akademik dan profesional memberi tumpuan berterusan kepada kajian mengenai keseimbangan kerja-keluarga dengan perbincangan yang memfokuskan definisi, sifat dan kesusahan yang dihadapi (Azrinaz, 2017; Mohamad Fazli & Ahmad Hariza, 2020; Nor Asmah, 2020; Nurul Shafini et al., 2019; Sing & Yusof, 2024; Siti Marziah et al., 2018). Bagi ibu tunggal, mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga menjadi amat mencabar, memandangkan keadaan mereka yang unik. Ibu tunggal sering mengalami konflik antara peranan, kesamaran peranan dan tekanan peranan yang menyukarkan mencapai keseimbangan kerja-kehidupan (Iztayeva, 2022). Percanggahan antara kerja dan cita-cita keluarga menjadikan lebih buruk bagi ibu tunggal mempunyai strategi naratif yang terhad untuk menyelesaikan konflik ini (Ramadhani & Rozana, 2022). Walau bagaimanapun, peluang dalam meningkatkan prestasi kerjaya dan persekitaran kerja yang menyokong mempengaruhi peralihan antara konflik kerja-keluarga ini (Radcliffe et al., 2022). Terdapat beberapa kajian yang memberi tumpuan kepada hubungan antara status sosioekonomi dan keseimbangan kerja-keluarga, banyak kajian menunjukkan bahawa ketidakseimbangan ini lebih berkait dengan kumpulan yang berpendapatan rendah (Bambra et al., 2008). Malahan, tahap konflik kerja-keluarga yang tinggi dialami oleh ibu tunggal ini dipengaruhi oleh tanggungjawab yang perlu diuruskan sendiri dengan sumber dan masa yang terhad dalam memenuhi tanggungjawab yang lain (Abdullah, 2016; Alsarve, 2017; Roman, 2017).

Sokongan sosial terhadap ibu tunggal

Secara umumnya, sokongan sosial sering disebut sebagai sokongan yang diberikan kepada individu sama ada dalam bentuk pertolongan atau bantuan untuk mengurangkan masalah yang dihadapi (Abbas et al., 2019). Dalam kalangan ibu tunggal, sokongan sosial adalah penting dalam membantu mengatasi pelbagai cabaran dan memenuhi keperluan asas mereka. Tambahan pula, sokongan sosial ini memainkan peranan penting dalam kesejahteraan psikologi dan sokongan keibubapaan kepada ibu tunggal. Hubungan komuniti dengan sokongan sosial memainkan peranan perlindungan yang penting dalam pemulihan kesihatan mental seseorang individu (Chan et al., 2015). Sokongan kewangan, moral dan psikologi adalah aspek penting dalam sokongan sosial terhadap ibu tunggal (Wakai et al., 2023). Sokongan sosial ini boleh dibahagikan kepada dua aspek yang terdiri daripada sokongan formal (terdiri daripada agensi kerajaan, institusi dan komuniti) dan sokongan tidak formal (terdiri daripada keluarga, saudara mara, rakan, jiran dan rakan sekerja) (Liao et al., 2023; S. Lu et al., 2020; Shiba et al., 2016).

METODOLOGI

Dalam kajian ini, metode kajian yang digunakan adalah kualitatif iaitu kaedah pengumpulan data-data sekunder dengan analisis kandungan daripada bahan terbitan artikel, jurnal, tesis dan buku. Kaedah analisis dokumen dipilih kerana kaedah ini mengandungi pelbagai maklumat dan boleh menerangkan beberapa isu yang dibangkitkan oleh penyelidik berkaitan dengan isu yang dikaji (Fauziah et al., 2020). Penyelidik melakukan penetapan tempoh dokumen yang dipilih adalah dalam tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2014 hingga 2023 kerana penyelidik percaya bahawa dalam tempoh ini akan memberikan pengetahuan yang paling relevan dan terkini berkaitan dengan penyelidikan yang dipilih, tertumpu khusus pada cabaran dwi-peranan dan sokongan sosial untuk ibu tunggal. Sebanyak 36 bahan yang terdiri daripada artikel dan bahan akhbar dalam talian telah dipilih oleh penyelidik. Kajian-kajian lepas berkaitan dengan dwi-peranan ibu tunggal dan sokongan sosial yang diberikan kepada ibu tunggal dikaji dan diperhalusi melalui pangkalan data seperti *Google Scholar*, *Researchgate*, *Scopus*, *Springer* dan *Web of Science (Wos)* dalam membantu penyelidik mengakses artikel-artikel berkaitan. Selain itu, bahan dari akhbar dalam talian seperti Utusan Malaysia, Berita Harian dan Sinar Harian yang berkaitan dengan kehidupan ibu tunggal turut dikaji dalam kajian ini. Kaedah analisis dokumen ini digunakan kajian ini dengan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam menggalas tanggungjawab dwi-peranan dan meneliti peranan sokongan sosial dalam membantu ibu tunggal. Analisis isi kandungan melibatkan penilaian terhadap tema utama dan subtema yang muncul dalam dokumen yang dianalisis. Dalam konteks artikel ini, fokus utama adalah pada:

- i. Cabaran Dwi-Peranan: Menenal pasti cabaran khusus yang dihadapi oleh ibu tunggal yang menguruskan peranan sebagai pencari nafkah dan pengurus rumah tangga. Perkara ini termasuklah beban kerja yang tinggi, tekanan kewangan, kos penjagaan anak, kesihatan mental dan kehidupan sosial.
- ii. Sokongan Sosial: Meneliti peranan sokongan sosial yang diberikan kepada ibu tunggal seperti bantuan keluarga, rakan, komuniti, bantuan daripada pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan. Dokumen juga mungkin menunjukkan bagaimana sokongan sosial ini dapat mempengaruhi dan memberikan kesan kepada kesejahteraan ibu tunggal.

Selain itu, penyelidik juga turut melakukan kajian kepustakaan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan dwi-peranan ibu tunggal dan sokongan sosial. Kajian kepustakaan ini menggunakan pangkalan data akademik, jurnal, buku dan sumber lain untuk mencari literatur yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Maklumat yang diperlukan dalam kajian ini diperolehi melalui artikel penyelidikan dan sumber-sumber bertulis mendasari kajian berkaitan dengan dwi-peranan ibu tunggal ini. Selain itu, kajian kepustakaan ini juga bertujuan untuk membuat huraian yang sistematik tentang kajian literatur dan mencari maklumat yang bersesuaian dengan isu berkaitan dengan cabaran dwi-peranan ibu tunggal dan peranan sokongan sosial.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mengenal pasti beberapa cabaran dwi-peranan yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam pengurusan keluarga dan mengkaji peranan sokongan sosial dalam membantu ibu tunggal menggalas dwi-peranan tersebut.

Cabaran Dwi-Peranan Ibu Tunggal dalam Pengurusan Keluarga

Dalam konteks dwi-peranan yang digalas oleh ibu tunggal, terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuh dalam memastikan keperluan keluarga dapat dipenuhi sebaik mungkin tanpa adanya pasangan iaitu suami. Cabaran dwi-peranan ibu tunggal ini sering dikaitkan dengan masalah dalam memenuhi keperluan keluarga, masalah psikologi dan stigma negatif daripada masyarakat setempat apabila memegang status sebagai ibu tunggal. Dalam mengenal pasti cabaran dwi-peranan ibu tunggal ini, penyelidik telah mengkategorikan cabaran dwi-peranan ini kepada aspek iaitu ekonomi, emosi dan sosial.

Cabaran ekonomi

Jika dilihat dari aspek ekonomi, ibu tunggal menghadapi cabaran yang sangat besar dalam memastikan keperluan keluarga dipenuhi (Birara, 2021; Dunya et al., 2020; Hutasoit & Brahmana, 2021; Maymunah et al., 2023; Siti Marziah et al., 2018). Tambahan pula, cabaran ini menjadi lebih mencabar apabila ibu tunggal terpaksa menggalas tanggungjawab seorang diri dalam membesarkan anak-anak dalam gaya hidup yang serba kekurangan (Mishra et al., 2021). Ibu tunggal juga dikatakan mengalami tekanan yang tinggi dalam aspek kewangan kerana memperoleh pendapatan yang lebih rendah berbanding kaum lelaki (Intan Hashimah et al., 2015; Kramer et al., 2016). Malahan, ibu tunggal juga dikatakan menghadapi lebih banyak halangan dan cabaran dari aspek keadaan ekonomi dan pekerjaan berbanding bapa tunggal (Lu et al., 2020; Moullin & Harkness, 2021). Kekurangan sumber pendapatan ini menyebabkan ibu tunggal tidak dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan berterusan menghadapi masalah kekurangan kewangan (Mohamad Fazli & Ahmad Hariza, 2020). Di Malaysia, masalah kewangan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan ibu tunggal B40 (*bottom 40%*) (Siti Marziah et al., 2022).

Salah satu cabaran ekonomi yang paling mendesak dalam kalangan ibu tunggal ialah kos penjagaan anak. Masalah kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal menyebabkan mereka tidak dapat menguruskan tanggungjawab mengasuh anak-anak seperti menghantar ke taska, tadika atau pengasuh disebabkan oleh kadar bayaran memakan belanja yang sangat tinggi. Perkara ini dapat dilihat apabila seorang ibu tunggal yang berasal dari Kuala Krai, Kelantan tidak dapat menghantar anak-anaknya mendapat pendidikan formal di sekolah disebabkan oleh desakan hidup sehingga anak-anaknya tidak pernah menjejakkan kaki ke sekolah (Abdul Rashid, 2020). Selain itu, ibu tunggal terpaksa bekerja lebih masa daripada waktu kerja harian. Perkara ini diperkukuhkan oleh Siti Marziah et al., (2022) yang menyatakan bahawa kehidupan ibu tunggal yang sering terkesan akibat daripada masalah kewangan menyebabkan mereka terpaksa bekerja lebih masa bagi menampung keperluan keluarga. Ibu tunggal yang tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara anak-anak dan perlu bergantung kepada orang lain akan memberikan tekanan dan mewujudkan kebimbangan secara tidak langsung (Stack & Meredith, 2018).

Cabaran emosi

Kehidupan sebagai ibu tunggal membawa satu cabaran emosi yang unik yang kadangkala membebankan ibu tunggal itu sendiri. Tekanan berterusan untuk mengimbangi kerjaya, keluarga dan kesejahteraan peribadi sering membawa kepada keletihan, kesunyian dan kebimbangan. Selain itu, tekanan kewangan dan ketidakpastian tentang masa depan boleh menyumbang kepada ketakutan dan tekanan yang melampau (Ilyani et al., 2022). Tambahan pula, stigma dan pertimbangan masyarakat terhadap ibu tunggal boleh memperhebatkan perjuangan emosi, yang membawa kepada penurunan harga diri dan keyakinan. Ibu tunggal mengalami kemurungan (*depression*), pelbagai gangguan seperti

kerisauan (*anxiety*) dan dual diagnosis (penyakit mental yang sering dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah) (Nahar et al., 2020; Siti Marziah et al., 2019; Stack & Meredith, 2018). Masalah kesihatan mental dipengaruhi oleh faktor kemiskinan dan sokongan sosial yang rendah ini boleh membawa kepada strategi menangani yang negatif seperti penyalahgunaan bahan terlarang (Siti Marziah et al., 2019).

Di samping itu, ibu tunggal juga dikatakan mengalami gangguan emosi seperti tidak berdaya, putus asa dan kesunyian berpunca daripada masalah kewangan dalam memenuhi keperluan asas (Weldegabreal, 2014). Malahan, perjuangan kesihatan mental dan cabaran emosi ibu tunggal ini berlaku secara semula jadi daripada keadaan sosial mereka (Kim et al., 2023). Ibu tunggal yang menghadapi kesukaran dalam menyediakan keperluan asas akan mengalami tahap kebimbangan yang berpanjangan tentang keadaan kewangan mereka yang akhirnya membawa kepada kualiti hidup yang lebih rendah (Ilyani et al., 2022). Selain itu, ibu tunggal juga terpaksa berdepan dengan stigma sendiri (*self-stigma*) yang berpunca daripada status sebagai ibu tunggal itu sendiri. Stigma sendiri ini menyebabkan ibu tunggal tidak mempunyai keyakinan dan penurunan harga diri dalam menggalas tugas dalam membesarkan anak-anak (Kim et al., 2023).

Cabaran sosial

Ibu tunggal menghadapi persilangan stigma berdasarkan pelbagai faktor seperti jantina, kelas, etnik, status agama, dan ketidakaksamaan sosial yang lain. Stigma ini dialami pada tahap yang berbeza, bermula daripada stigma sendiri dan meluas kepada keluarga dan masyarakat (H. Zhang, 2022, 2023). Ibu tunggal dan anak-anak terpaksa menempuh stigma, diskriminasi dan tahap kemiskinan yang lebih tinggi (Nieuwenhuis & Maldonado, 2018). Walaupun terdapat perbezaan antara budaya dan komuniti bagi sesuatu tempat, ibu tunggal sering disisihkan oleh masyarakat, sering didiskriminasi dan menerima tuduhan yang tidak benar. Persepsi negatif dan stigma masyarakat ini wujud kerana masyarakat percaya bahawa keluarga ibu tunggal akan mengalami lebih banyak masalah kerana ketiadaan seorang lelaki atau suami untuk mengetuai keluarga dan mendisiplinkan anak-anak (Mohd Ramlan et al., 2018). Perkara yang lagi menyedihkan apabila masyarakat mempunyai satu stigma ke atas mereka yang bercerai dan hanya memfokuskan ke atas pihak perempuan sahaja atau yang diberi gelaran janda (Azrinaz, 2017) dan sering dianggap suka mengganggu rumah tangga orang lain (Merak, 2022; Nurul Liana & Azlina, 2020).

Stigma ini juga memberikan kesan kepada pergerakan dan aktiviti ibu tunggal dalam masyarakat. Ibu tunggal terpaksa menghadkan aktiviti mereka dalam komuniti untuk mengelakkan daripada menjadi buah mulut masyarakat. Malahan, ibu tunggal yang ingin mengikuti program keagamaan pun terpaksa menimbangkan niat dan kesan daripada penyertaan mereka tersebut terlebih dahulu kerana takut disalah erti oleh jiran-jiran cabaran (Nurul Shafini et al., 2019). Seterusnya, ibu tunggal juga sering dilabel dengan kata-kata yang kurang manis yang pada pemikiran masyarakat hanya sekadar lawak dan bergurau, tetapi pada hakikatnya keadaan ini adalah untuk memprovokasi dan bersifat gangguan seksual (Hafiz, 2022). Pelabelan yang diberikan kepada ibu tunggal ini membawa kepada situasi kepada rasa putus asa dan kecewa kepada keluarga tunggal ini.

Peranan sokongan sosial

Dalam menggalas tanggungjawab dwi-peranan ini, sokongan sosial daripada pelbagai pihak memainkan peranan penting dalam kehidupan ibu tunggal. Sokongan sosial ini tidak hanya memberikan bantuan emosi dan moral, tetapi juga dapat membantu dalam cabaran kewangan, penyertaan komuniti, dan kesihatan mental.

Kesejahteraan emosi dan mental

Ibu tunggal sering menghadapi cabaran emosi yang berpunca daripada perasaan terasing, tekanan, dan kurang keyakinan diri. Rangkaian sokongan sosial menawarkan pendengaran bersifat empati, galakan, memperkukuh daya tahan emosi dan kesejahteraan dalam kalangan ibu tunggal. Dalam memberikan sokongan sosial ini, 61 peratus golongan wanita merupakan kumpulan sokongan dominan dalam

memberikan sokongan emosi yang lebih kuat kepada wanita berbanding lelaki (Madhavan et al., 2018). Sokongan emosi ini terdiri daripada keluarga, rakan, jiran dan masyarakat (Chung & Son, 2022; Clark et al., 2023; Dharatun Nissa et al., 2019; Lumino et al., 2017; Madhavan et al., 2018; Meler, 2014; Song et al., 2021; Widan & Greeff, 2019). Ibu bapa yang dianggap elemen terpenting dalam membolehkan wanita menghadapi situasi baharu dalam kehidupan mereka (Meler, 2014). Berhubung dengan sokongan untuk kesihatan mental, penjagaan kesihatan mental daripada pengamal profesional seperti ahli psikologi, pekerja sosial dan kaunselor juga menyediakan akses kepada sokongan emosi dalam membantu ibu tunggal dan anak-anak menangani masalah yang melibatkan emosi mereka (Widan & Greeff, 2019). Pihak komuniti juga turut memberikan sokongan sosial ini, terutamanya komuniti agama yang banyak memberikan sokongan emosi dengan membuat panggilan telefon dalam menyokong ibu tunggal dan sokongan emosi ini (Widan & Greeff, 2019).

Sokongan instrumental

Sokongan instrumental merangkumi bantuan kewangan, bantuan pengangkutan, bantuan rumah tangga, dan bantuan penjagaan anak. Dengan adanya sokongan instrumental yang mencukupi, ibu tunggal dapat membina kestabilan dan keupayaan untuk menguruskan kehidupan keluarga dengan lebih efektif. Sokongan instrumental ini disediakan oleh ahli keluarga terdekat kepada ibu tunggal dalam membantu mereka menjalani kehidupan seharian (Lumino et al., 2017). Selain itu, ahli keluarga juga memberikan sokongan kebendaan apabila seorang wanita yang merupakan sebahagian daripada keluarga mereka bercerai (Meler, 2014). Dengan adanya sokongan ini, ibu tunggal dapat memastikan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, dan pendidikan anak-anak mereka dapat dipenuhi. Begitu juga, terdapat ibu tunggal yang melaporkan bahawa mereka menerima bantuan penjagaan anak daripada bekas suami mengurangkan tekanan ibu tunggal itu sendiri (Clark et al., 2023; Widan & Greeff, 2019). Bantuan pengangkutan pula memudahkan aksesibiliti ibu tunggal untuk mencari pekerjaan, menguruskan urusan keluarga, dan mengakses perkhidmatan kesihatan. Ibu tunggal juga boleh bergantung kepada jiran mereka untuk mengambil mereka dan anak-anak sekiranya bantuan kecemasan (Dharatun Nissa et al., 2019). Dalam konteks komuniti pula, komuniti agama juga memberikan sokongan penting, contohnya memberikan baucar runcit kepada keluarga sebagai hadiah untuk membeli makanan tanpa mendedahkan nama penderma (Widan & Greeff, 2019).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat disimpulkan bahawa ibu tunggal memainkan peranan yang penting dalam menggalas tugas sebagai pencari nafkah, membimbing dan menjaga anak-anak mereka. Pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuh oleh ibu tunggal ketika menggalas dwi-peranan ini sehingga membawa kepada kesan yang negatif kepada ibu tunggal itu sendiri. Cabaran ekonomi, emosi dan sosial ini menjadi lebih mencabar disebabkan oleh ketiadaan pasangan atau suami disisi dalam membantu mereka. Walau bagaimanapun, sokongan sosial juga merupakan faktor penting dalam menjamin kesejahteraan ibu tunggal dan anak-anak mereka. Oleh itu, kerajaan dan masyarakat perlu bekerjasama untuk memastikan bahawa ibu tunggal menerima sokongan yang mencukupi agar mereka dapat menjaga anak-anak mereka dengan baik. Dengan adanya sokongan yang mencukupi, ibu tunggal dapat memastikan anak-anak mereka memperoleh pendidikan dan perhatian yang mereka perlukan untuk membesar sebagai individu yang sihat dan berjaya.

Dalam realiti harian, ibu tunggal sering menghadapi tekanan yang besar dalam menjaga anak-anak mereka sambil mencari rezeki. Peranan berganda yang digalas oleh ibu tunggal sebagai ibu dan bapa ini memerlukan kesabaran dan kecekalan yang tinggi. Kekurangan sokongan sosial boleh menambah bebanan emosi dan kewangan yang mereka hadapi. Sokongan sosial yang diterima ini terdiri daripada pelbagai sumber termasuklah keluarga, rakan-rakan, dan komuniti tempatan. Program sokongan seperti bantuan kewangan, penjagaan kanak-kanak, dan perkhidmatan khidmat nasihat juga penting untuk membantu ibu tunggal mengatasi cabaran yang mereka hadapi. Selain itu, kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap isu ibu tunggal perlu ditingkatkan. Perkara ini dapat dicapai melalui kempen kesedaran dan program-program latihan untuk membina keupayaan masyarakat dalam

memberikan sokongan yang lebih berkesan kepada ibu tunggal. Dengan kesedaran dan sokongan yang mencukupi, ibu tunggal dan anak-anak mereka boleh menghadapi cabaran hidup dengan lebih yakin dan optimis, memberikan peluang yang lebih baik bagi masa depan yang stabil dan berjaya.

RUJUKAN

- Aasen Nilsen, S., Breivik, K., Wold, B., & Bøe, T. (2018). Divorce and family structure in Norway: Associations with adolescent mental health. *Journal of Divorce & Remarriage*, 59(3), 175–194.
- Abbas, J., Aqeel, M., Abbas, J., Shaher, B., Jaffar, A., Sundas, J., & Zhang, W. (2019). The moderating role of social support for marital adjustment, depression, anxiety, and stress: Evidence from Pakistani working and nonworking women. *Journal of Affective Disorders*, 244, 231–238.
- Abdul Rashid, A. R. (2020, November 8). Ibu tunggal, tujuh anak perlu bantuan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2020/11/ibu-tunggal-tujuh-anak-perlu-bantuan/>
- Abdullah, N. A. C. (2016). Konflik kerja-keluarga dalam kalangan pensyarah: satu tinjauan. *Sains Humanika*, 8(4–2).
- Alsarve, J. (2017). Working it out: strategies to reconcile work and family among Swedish lone mothers. *Families, Relationships and Societies*, 6(3), 325–340.
- Azrinaz, M. H. (2017, October 1). Fahami cabaran, kesukaran ibu tunggal. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/10/332201/fahami-cabaran-kesukaran-ibu-tunggal>
- Bambra, C., Whitehead, M., Sowden, A., Akers, J., & Petticrew, M. (2008). “A hard day’s night?” The effects of Compressed Working Week interventions on the health and worklife balance of shift workers: a systematic review. *Journal of Epidemiology and Community Health*, 764–777.
- Bastait, K., & Mortelmans, D. (2017). Parenting and family structure after divorce: Are they related? *Journal of Divorce & Remarriage*, 58(7), 542–558.
- Bauer-Maglin, N. (2019). *Widows’ Words: Women Write on the Experience of Grief, the First Year, the Long Haul, and Everything in Between*. Rutgers University Press.
- Berryhill, M. B., & Durtschi, J. A. (2017). Understanding single mothers’ parenting stress trajectories. *Marriage & Family Review*, 53(3), 227–245.
- Birara, Z. A. (2021). Challenges of Single Mother in Raising Their Children in Bishoftu Town, Ethiopia. *British Journal of Psychology Research*, 9(1), 30–46.
- Chan, C. S., Lowe, S. R., Weber, E., & Rhodes, J. E. (2015). The contribution of pre-and postdisaster social support to short-and long-term mental health after Hurricanes Katrina: A longitudinal study of low-income survivors. *Social Science & Medicine*, 138, 38–43.
- Chung, Y., & Son, S. (2022). No good choices: concealing or disclosing single motherhood in Korea. *Social Work Research*, 46(2), 162–175.
- Clark, S., Henderson, M., & Kabiru, C. (2023). Single Motherhood and Stress in a Kenyan Slum: The Importance of Paternal and Kin Support. *Journal of Family Issues*, 0192513X221150978.
- Daniel, E. (2021). *Single Mothers and Wellbeing of Adolescents Children in Kuala Lumpur, Malaysia*.
- Dharatun Nissa, F. M., Zuria, M., & Melati, S. (2019). Self-Resilience evolvment among Widowed Mothers in Malaysia. *Religación: Revista de Ciencias Sociales y Humanidades*, 4(18), 127–133.
- Drageset, J. (2021). Health promotion in health care—vital theories and research. In *Health promotion in health care—Vital theories and research*. Springer International Publishing.
- Dunya, A., Mohamed, B., & Safa Merza, F. (2020). Re-emphasising the future family role in “care economy” as a result of covid-19 pandemic spillovers. *American Journal of Economics*, 10(6), 332–338.
- Fauziah, I., Khadijah, A., & Nazirah, H. (2020). Penulisan tesis kajian kualitatif dan kuantitatif. In *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Hafiz, I. (2022, May 24). Duda, janda bukan jenaka. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/WM/2022/05/845018/duda-janda-bukan-jenaka>
- Hutasoit, L. T. M. B., & Brahmana, K. M. B. (2021). Single mother role in the family. *Education and Social Sciences Review*, 2(1), 27–34.

- Ilyani, A., Siti Aishah, M., Hasnizawati, H., Fazreena, M., & Muhammad Zainuddin, M. A. (2022). Self-Esteem, Quality of Life and Financial Well-Being: A Review on Psychological Health Factors of Single Mothers. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), e001842–e001842.
- Intan Hashimah, M. H., Azman Azwan, A., & Noraida, E. (2015). Stress, roles and responsibilities of single mothers in Malaysia. *SHS Web of Conferences*, 18, 03003.
- Iztayeva, A. (2022). Single fathers and work–family conflict in white-and blue-collar jobs. *Community, Work & Family*, 1–16.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020*.
- Kim, A., Jeon, S., & Song, J. (2023). Self-Stigma and Mental Health in Divorced Single-Parent Women: Mediating Effect of Self-Esteem. *Behavioral Sciences*, 13(9), 744.
- Kramer, K. Z., Myhra, L. L., Zuiker, V. S., & Bauer, J. W. (2016). Comparison of poverty and income disparity of single mothers and fathers across three decades: 1990–2010. *Gender Issues*, 33, 22–41.
- Latifah, A. (2021, September 16). Sekatan pergerakan, krisis ekonomi faktor utama perceraian. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864853/sekatan-pergerakan-krisis-ekonomi-faktor-utama-perceraian>
- Liao, H., Li, S., Han, D., Zhang, M., Zhao, J., Wu, Y., Ma, Y., Yan, C., & Wang, J. (2023). Associations between social support and poverty among older adults. *BMC Geriatrics*, 23(1), 1–13.
- Lu, S., Wu, Y., Mao, Z., & Liang, X. (2020). Association of formal and informal social support with health-related quality of life among Chinese rural elders. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(4), 1351.
- Lu, Y.-C., Walker, R., Richard, P., & Younis, M. (2020). Inequalities in poverty and income between single mothers and fathers. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(1), 135.
- Lumino, R., Ragozini, G., van Duijn, M., & Vitale, M. P. (2017). A mixed-methods approach for analysing social support and social anchorage of single mothers' personal networks. *Quality & Quantity*, 51, 779–797.
- Madhavan, S., Clark, S., & Hara, Y. (2018). Gendered emotional support and women's well-being in a low-income urban African setting. *Gender & Society*, 32(6), 837–859.
- Maymunah, I., Mohd Khairul Nizam, M. A., Noormala, R., Marziana, A. M., Mohamad Shafie, A., & Khalilah, I. (2023). Isu Dan Cabaran Ibu Tunggal: Kit Ban Tow Sebagai Inisiatif Awal. *Jurnal 'Ulwan*, 8(1), 189–203.
- Meler, T. (2014). Currencies of social support: Israeli-Palestinian single mothers in their families and communities. *Comparative Sociology*, 13(3), 315–345.
- Merak, J. (2022, December 8). Bila stigma terhadap janda bakal berakhir? *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/235138/suara-sinar/pojok/bila-stigma-terhadap-janda-bakal-berakhir>
- Mishra, P. S., Thamminaina, A., & Mishra, N. (2021). Single Mothers: Strategies of Family Management and Support Systems in Relation to Health. *Journal of International Women's Studies*, 22(5), 393–406.
- Mohamad Fazli, S., & Ahmad Hariza, H. (2020). *Realiti & Cabaran Ketua Isi Rumah Ibu Tunggal Malaysia* (1st ed.). Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Nawawy, J., & Fatmawati, L. (2019). Kemahiran Kehidupan Ibu Tinggal Terhadap Kesejahteraan Keluarga. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(3), 36–44.
- Mohamad Nawawy, J., & Fatmawati, L. (2020). The challenges faced by single mothers in Malaysia during the Covid-19 pandemic. *Jurnal Al-Sirat*, 1(19), 80–87.
- Moullin, S., & Harkness, S. (2021). The single motherhood penalty as a gender penalty: Comment on Brady, Finnigan, and Hübgen. *American Journal of Sociology*, 127(2), 621–636.
- Nahar, J. S., Algin, S., Sajib, M. W. H., Ahmed, S., & Arafat, S. M. Y. (2020). Depressive and anxiety disorders among single mothers in Dhaka. *International Journal of Social Psychiatry*, 66(5), 485–488.
- Noor Rahamah, A. B. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 155–162.
- Nor Asmah, Z. (2020). Realiti dan Cabaran Wanita Bekerjaya. *Perspektif*, 21(1), 1–15.

- Nurul Liana, S., & Azlina, M. K. (2020). Cabaran dan Faktor Kejayaan Usahawan Ibu Tunggal di Negeri Perak. *Malaysian Journal of Human Ecology (MJHE)*, 25–42.
- Nurul Shafini, S., Suzana, M. H., Noremy, M. A., & Jamiah, H. M. (2019). Cabaran Hidup Ibu Tunggal: Kesan Terhadap Kesejahteraan Emosi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 69–84.
- Padun, R. V. (2021). Defining the family as a legal category and a special phenomenon of social relations. *Uzhhorod National University Herald. Series: Law*, 68, 75–79.
- Pangaribuan, R. M. U., Resdati, R., & Marnelly, T. R. (2023). The Dual Role of Single Parent: A Sociological Study. *Jurnal Pendidikan Sosiologi Dan Humaniora*, 14(2), 57–64.
- Radcliffe, L., Cassell, C., & Malik, F. (2022). Providing, performing and protecting: the importance of work identities in negotiating conflicting work–family ideals as a single mother. *British Journal of Management*, 33(2), 890–905.
- Ramadhani, A. D. A., & Rozana, A. (2022). Pengaruh Work-Family Conflict terhadap Subjective Well-Being pada Single Parent. *Bandung Conference Series: Psychology Science*, 2(1), 5–13.
- Roman, C. (2017). Between money and love: work-family conflict among Swedish low-income single mothers. *Nordic Journal of Working Life Studies*, 7(3).
- Shiba, K., Kondo, N., & Kondo, K. (2016). Informal and formal social support and caregiver burden: The AGES caregiver survey. *Journal of Epidemiology*, 26(12), 622–628.
- Simanullang, L. M., Elvawati, E., & Isnaini, I. (2022). Upaya Perempuan Single Parent Pada Sektor Informal Dalam Pemenuhan Kebutuhan Keluarga. *Jurnal Pendidikan Sosiologi Dan Humaniora*, 13(2), 244–250.
- Sing, I. C. S., & Yusof, M. M. (2024). Cabaran Hidup Golongan Ibu Tunggal Di Daerah Kuching, Sarawak: Satu Kajian Kes Di Persatuan Keluarga Ibu Tunggal. *Asian People Journal (APJ)*, 7(1), 60–74.
- Siti Marziah, Z., Nor Hazila, M. L., & Suzana, M. H. (2019). Life Challenges and Mental Health Issues of Single Mothers: A Systematic Examination. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8, 48–52.
- Siti Marziah, Z., Norehan, A., Noremy, Md. A., Aizan Sofia, A., Asila Nur Adlynd, M. S., Mohd Radzniwan, A. R., & Wan Nurdiyana, W. Y. (2022). Perceptions of Quality of Life during the Pandemic: A Case Study on B40 Single Mothers. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(19), 12219.
- Siti Marziah, Z., Noremy, M. A., & Faradillah, I. O. (2018). Kesejahteraan psikologi ibu tunggal: cabaran sebagai ibu tunggal dan tekanan hidup. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2018*.
- Song, S.-M., Park, B., Lee, W. K., Park, N.-S., & Kim, M. N. (2021). Examining the relationship between social support, parenting stress, and depression in South Korean single mothers. *Journal of Child and Family Studies*, 1–14.
- Stack, R. J., & Meredith, A. (2018). The impact of financial hardship on single parents: An exploration of the journey from social distress to seeking help. *Journal of Family and Economic Issues*, 39, 233–242.
- Susanti, S. D., & Hayat, N. (2022). Strategi Nafkah Perempuan Single Parent Dalam Mempertahankan Kesejahteraan Keluarga. *Jurnal Pendidikan Sosiologi Dan Humaniora*, 13(2), 251–259.
- Taylor, Z. E., & Conger, R. D. (2017). Promoting strengths and resilience in single-mother families. *Child Development*, 88(2), 350–358.
- Valiquette-Tessier, S.-C., Vandette, M.-P., & Gosselin, J. (2016). Is family structure a cue for stereotyping? A systematic review of stereotypes and parenthood. *Journal of Family Studies*, 22(2), 162–181.
- Wakai, H., Nawa, N., Yamaoka, Y., & Fujiwara, T. (2023). Stressors and coping strategies among single mothers during the COVID-19 pandemic. *Plos One*, 18(3), e0282387.
- Weldegabreal, R. (2014). Qualitative Study on Single Mothers' Experience of Raising their Dependent Children: A case in Lideta Sub City of Addis Ababa. *Master Social Work Department Addis Ababa Ethiopia*, 1–68.
- Widan, R. J., & Greeff, A. P. (2019). Aspects of social support associated with adaptation in middle-class, single-mother families. *The American Journal of Family Therapy*, 47(3), 148–164.

- Zhang, H. (2022). Re-defining stigmatization: intersectional stigma of single mothers in Thailand. *Journal of Family Studies*, 1–27.
- Zhang, H. (2023). Intersectional stigma and coping strategies of single mothers living with HIV in Thailand. *Culture, Health & Sexuality*, 25(3), 336–351.
- Zhang, L., & Fu, J. (2020). A research on the influence of work family conflict on female knowledge worker's innovative behavior. *Sci. Res. Manag*, 41, 257–267.